

27/03/1997

MSC: Jepun sambut baik tawaran

TOKYO, Rabu - Jepun menyambut baik tawaran Malaysia supaya negara itu menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang baru dilancarkan Kuala Lumpur.

Sambil menyokong projek itu yang dianggapnya penting kerana mempunyai kaitan dengan masa depan teknologi maklumat (IT), Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, juga memberi jaminan pihaknya akan menggalakkan sektor swasta negara itu merebut peluang berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Badawi, berkata Hashimoto menyampaikan sokongan dan jaminannya itu ketika mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, petang ini.

Bagi kerajaan Jepun pula, kata Abdullah, Hashimoto memberitahu Dr Mahathir bahawa pihaknya akan mendapatkan pandangan pakar terlebih dahulu untuk menentukan bidang atau cara terbaik yang boleh dimainkan kerajaannya dalam menjayakan MSC.

Bercakap kepada pemberita, Abdullah berkata, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi ke Jepun, sebelum itu menawarkan beberapa bidang yang boleh disertai Jepun, seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), latihan tenaga kerja serta pengeluaran peralatan yang diperlukan MSC.

Dalam pertemuan itu juga, kata Abdullah, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai Asean, terutama berhubung cadangan supaya diadakan sidang kemuncak Jepun-Asean.

Beliau berkata, Dr Mahathir menerima baik hasrat Jepun untuk memperluaskan hubungan dengan Asean dan cadangan itu sudah pun dipertimbangkan dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan Asean.

Mengenai isuimbangan perdagangan Malaysia-Jepun, Hashimoto memberitahu perkara itu masih diteliti kerana perangkaan yang disediakan kedua-dua pihak tidak sama mungkin disebabkan sesetengah barang diimport atau eksport menerusi Singapura.

(END)